

Polemik Identiti Malaysia sebagai Negara Islam dalam Wacana Intelektual

[The Polemics of Malaysia's Identity as an Islamic State in Intellectual Discourse]

BITARA

Volume 8, Issue 4, 2025: 186-197
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 4 August 2025
Accepted: 25 August 2025
Published: 3 Oktober 2025

Muhammad Khairi Abdul Azib,¹ Haziyah Hussin^{1&2*} & Latifah Abdul Majid¹

- 1 Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
E-Mail: p145132@siswa.ukm.edu.my; umilm@ukm.edu.my.
- 2 Pusat Terjemahan dan Manuskrip UMK-ITBM, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.
Email: haziyah@ukm.edu.my;

*Corresponding Author: haziyah@ukm.edu.my

Abstrak

Isu identiti Malaysia sebagai sebuah Negara Islam terus mencetuskan polemik dalam pelbagai wacana ilmiah dan politik. Walaupun Malaysia sering dikategorikan sebagai Negara Islam berdasarkan majoriti penduduk Muslim, sejarah pembentukan negara, serta kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, pelaksanaan prinsip-prinsip Islam dalam sistem pemerintahan dan perundangan masih menjadi perbincangan. Ketidaksepakatan ini telah menimbulkan pelbagai tafsiran dan justeru mewajarkan sorotan literatur terhadap wacana yang berkembang. Artikel ini bertujuan menganalisis wacana akademik berkaitan takrif identiti Malaysia sebagai Negara Islam. Kajian menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen terhadap artikel-artikel ilmiah yang diperoleh daripada pangkalan data *Google Scholar* dan *ResearchGate*. Dapatan menunjukkan wacana ini terbahagi kepada dua aliran utama: pertama, pandangan yang mengiktiraf Malaysia sebagai Negara Islam berdasarkan hujah sejarah, perundangan dan komposisi demografi; dan kedua, pandangan yang menolak pengiktirafan tersebut atas dasar realiti masyarakat majmuk serta tafsiran sekular terhadap Perlembagaan. Kajian ini mencadangkan keperluan kepada satu definisi yang lebih jelas dan kontekstual berkenaan Negara Islam dalam kerangka Malaysia, yang bersifat inklusif dan selari dengan maqāṣid syarī'ah. Implikasi lanjut turut mencadangkan penyelidikan empirikal untuk menyokong pembinaan naratif kenegaraan yang lebih stabil, inklusif dan diterima semua pihak.

Kata kunci: Identiti negara, Malaysia, Negara Islam, Negara Sekular.

Abstract

The question of Malaysia's identity as an Islamic state continues to generate significant polemics in both academic and political discourses. Although Malaysia is often characterised as an Islamic state due to its Muslim-majority population, historical foundations, and the constitutional position of Islam as the religion of the Federation, the extent to which Islamic principles are implemented in governance and legal frameworks remains contested. These divergent views justify a critical literature review of the ongoing discourse. This article aims to analyse scholarly perspectives in defining Malaysia's identity as an Islamic state. Employing a qualitative design, this study applies document analysis on academic articles retrieved from Google Scholar and ResearchGate. The findings reveal two dominant streams of thought: first, the view that affirms Malaysia as an Islamic state based on historical, legal, and demographic grounds; and second, the view that rejects such a classification, citing the pluralistic nature of Malaysian society and a secular interpretation of the Constitution. The

study highlights the need for a clearer and more contextualised definition of an Islamic state in the Malaysian framework—one that is inclusive and aligned with the objectives of Islamic law (maqāṣid al-sharī'ah). It also recommends further empirical research to support the development of a stable and widely accepted national identity narrative.

Keywords: National Identity, Malaysia, Islamic State, Secular State.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Muhammad Khairi Abdul Azib, Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid. (2025). Polemik Identiti Malaysia sebagai Negara Islam dalam Wacana Intelektual [The Polemics of Malaysia's Identity as an Islamic State in Intellectual Discourse]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 186-197.

Pengenalan

Konsep identiti negara merujuk kepada cara sesebuah negara memahami dirinya sendiri serta bagaimana negara tersebut ditanggapi oleh pihak luar termasuk peranannya dalam sistem antarabangsa (Walters 2020). Identiti negara terbentuk melalui pelbagai dimensi yang saling berkait seperti naratif sejarah, struktur politik dan nilai budaya. Naratif sejarah mencorakkan kesedaran kolektif rakyat melalui kisah pembentukan negara dan peristiwa penting yang mengakar dalam ingatan bersama. Struktur politik pula mencerminkan sistem pemerintahan serta prinsip-prinsip asas kenegaraan yang diterapkan (Jaan Islam 2025). Sementara itu, nilai budaya seperti bahasa, agama dan adat resam berfungsi sebagai penanda keunikan identiti kebangsaan yang dimiliki sesebuah negara (Gang 2022).

Identiti negara terbahagi kepada empat jenis, iaitu; pertama, identiti nasional yang berteraskan pengalaman sejarah bersama dan perpaduan rakyat; kedua, identiti serantau yang lahir daripada perkongsian geografi dan budaya serumpun; ketiga, identiti politik yang dibentuk melalui sistem pemerintahan yang diamalkan dan; empat, identiti fungsional yang merujuk kepada peranan negara di peringkat antarabangsa (Ayu Nor Azilah, Mohamed Ali & Wayu 2020; Abu Bakar & Nikolas 2024; John 2025) Namun begitu, dalam konteks negara yang rencam budaya, agama dan etnik seperti Malaysia, pembinaan identiti negara menjadi lebih kompleks dan sering kali mencetuskan polemik dalam kalangan masyarakat (Nur Nadia 2020).

Identiti nasional Malaysia yang terbentuk hasil daripada proses rundingan dan kompromi antara pelbagai kelompok, menjadikannya bersifat dinamik, fleksibel dan memerlukan pengukuhan berterusan (Nur Nadia 2020). Justeru, isu mengenai Malaysia sebagai sebuah Negara Islam terus menjadi wacana yang menuntut penelitian semula dalam kerangka sejarah, politik dan sosial negara ini. Perbahasan ini menjadi lebih kompleks apabila melibatkan realiti sejarah pembentukan negara, pengaruh kolonialisme, tuntutan pluralisme agama dan landskap politik yang dinamik. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis dapatan kajian-kajian lepas berkenaan identiti negara Malaysia sebagai sebuah Negara Islam, sekaligus mengetengahkan cabaran epistemologi dan praktikal yang dihadapi dalam proses mendefinisikan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen terhadap sejumlah artikel yang diperoleh daripada pangkalan data *Google Scholar* dan *ResearchGate*. Fokus kajian adalah terhadap artikel-artikel terkini yang membincangkan wacana berkaitan identiti Negara Malaysia dari pelbagai aspek seperti perundangan dan sejarah. Kajian turut merujuk kepada artikel-artikel yang telah lama diterbitkan sekiranya mempunyai korelevanan dengan topik yang dianalisis. Menurut Merriam dan Simpson (1995) dalam Othman Lebar (2007), sekiranya terdapat bahan atau kajian tertentu yang relevan dengan fokus kajian, maka ia wajar dirujuk walaupun bukan merupakan sumber yang terkini. Beberapa artikel di laman sesawang turut dirujuk bagi melakukan triangulasi data. Analisis data seterusnya dijalankan secara tematik dengan meneliti pola hujah, aliran pemikiran serta ketegangan diskursif antara pendekatan Islam dan sekular dalam menentukan identiti negara. Dapatan kajian dibentangkan secara deskriptif untuk memberikan gambaran lebih jelas mengenai isu identiti Malaysia sebagai sebuah Negara Islam.

Dapatan Kajian

Perbincangan kajian-kajian terdahulu mengenai identiti negara Malaysia sebagai sebuah Negara Islam tertumpu kepada dua aspek utama, iaitu pandangan yang menyokong Malaysia sebagai sebuah Negara Islam dan pandangan yang menolak identiti tersebut.

Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam

Wacana yang menegaskan bahawa Malaysia merupakan sebuah Negara Islam adalah berdasarkan justifikasi berikut:

a. Agama Islam agama asal Tanah Melayu

Menurut Abdul Rahman et al. (2009), agama asal bagi sesebuah negara mendapat kedudukan istimewa dalam beberapa perlembagaan negara di dunia seperti mazhab Kristian Anglikan yang diwakili oleh Gereja England di United Kingdom, mazhab Kristian Katolik di Republik Ireland atau mazhab Syiah di Republik Islam Iran. Keistimewaan ini tidak bercanggah dengan hak-hak asasi khususnya hak kebebasan beragama. Hal ini disebabkan agama kaum asal mempunyai alasan untuk diberikan kelebihan mengatasi agama lain supaya wujud kestabilan bagi mengelakkan penduduk asal merasa kedudukan mereka diketepikan dan mencetuskan pertikaian.

Dalam konteks negara Malaysia, Abdul Rahman et al. (2009) menjelaskan bahawa agama asal bagi negara ini ialah Islam yang telah bertapak lebih daripada 500 tahun. Penyebaran agama Islam di Tanah Melayu dimulakan oleh para pedagang beragama Islam yang mengajak raja-raja Melayu memeluk Islam seterusnya menjadi agen penyebarannya. Malah, orang Melayu berperang mempertahankan agama Islam daripada ancaman kolonial seperti Portugis dan Belanda. Dengan demikian, peruntukan perkara 3 Perlembagaan Malaysia yang

mengisytiharkan bahawa “Islam ialah agama bagi Persekutuan” membayangkan apa yang telah dipertahankan oleh orang Melayu sepanjang masa, malah sebelum penjajah British masuk ke Tanah Melayu lagi. Meskipun begitu, sepanjang penjajahan, British telah membawa masuk agama Kristian, sementara kaum pendatang membawa masuk agama lain seperti Hindu dan Buddha. Kesan terhadap Perlembagaan, agama Islam menjadi agama bagi Persekutuan namun memberikan pertimbangan kepada lain-lain kepercayaan. Oleh itu, perkara 3 memperuntukkan suatu fasal imbangan yang menyebut “tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”.

Izhar & Alias (2010) menjelaskan sejarah mencatatkan undang-undang Islam telah dijalankan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan kewujudan Undang-undang Melaka, Kanun Laut Melaka, Kanun Pahang dan Kanun Kota Setar. Pelaksanaan ini membuktikan penerimaan cara hidup berasaskan Islam di Tanah Melayu meskipun dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum tanpa tentangan.

Wan Ahmad Fauzi, Anisah & Mohamed Anwar (2017) menjelaskan Kedudukan raja-raja Melayu sebelum kedatangan British adalah sebagai “khalifah Allah di atas bumi” dengan makna raja diamanahkan kuasa melaksanakan dan menguatkuasakan pemerintahan berasaskan undang-undang Islam. Namun, strategi halus penjajah tersebut seperti Perjanjian Pangkor dan doktrin nasihat mengakibatkan ajaran Islam mulai dikecilkan kepada aspek awam dan persendirian semata-mata. Selepas kemerdekaan pula, terdapat pihak yang mengecilkan tafsiran Islam sebagai agama persekutuan dalam perlembagaan dengan menghadkan kepada perkara seperti perkahwinan dan perceraian. Tafsiran ini jelas menafikan kedudukan Islam sebagai agama asal di Tanah Melayu atau konsep kedaulatan watan yang bersumberkan Islam. Kedudukan Islam jelas berada dalam undang-undang yang dijalankan sebelum kedatangan penjajah seperti Hukum Kanun Melaka. Kerangka watan pula menuntut sesuatu penilaian dibuat berdasarkan pandangan tempatan dan melalui kaca mata semasa pada ketika itu. Konsep kedaulatan watan terbina melalui tiga sudut; Pertama, Hukum Kanun Melaka sebagai Perlembagaan Tanah Melayu. Kedua, Islam sebagai undang-undang watan bagi Tanah Melayu. Ketiga, pemikiran tempatan semasa tentang konsep kedaulatan. Konsep ini menjadi asas kepada keistimewaan agama Islam dalam perlembagaan.

Menurut Wan Ahmad Fauzi, Anisah, Mohamed Anwar (2017), kedudukan Islam sebagai agama asal Tanah Melayu dan jaminan kedaulatan Raja-raja Melayu yang menjadi pembela agama Islam diperkukuhkan dengan Perkara 181 (1) Perlembagaan bahawa: “Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa raja-raja dan prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-pembesar Memerintah Negeri Sembilan di bawah wilayah-wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas”. Peruntukan, “sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas” mentakrifkan bahawa konsep kedaulatan Raja-raja Melayu itu sudah wujud sebelum kewujudan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan bersusur galur daripada Kesultanan Melayu Melaka. Muhammad Zuhaili (2023) menjelaskan bahawa kedudukan Yang Di-Pertuan (YDP) Agong sebagai Ketua Negara sebagaimana dalam peruntukan Perkara 32 (1) Perlembagaan dan dijamin kedudukannya pada Perkara 181 (1) Perlembagaan Persekutuan.

b. Implementasi nilai-nilai Islam

Abdul Rahman et al. (2009) menjelaskan Perlembagaan Malaysia meletakkan kedudukan Islam sebagai agama rasmi, namun agama lain bebas diamalkan justeru membolehkan kerajaan yang memerintah mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam. Meskipun begitu, Islam hanya terhad sebagai agama rasmi kerana undang-undang yang diamalkan di negara ini masih meletakkan undang-undang sivil mengatasi undang-undang syariah. Kekangan ini tidak bermakna pemerintah tidak boleh menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam strategi-strategi pembangunan negara.


Ahmad Fathoni (2015) menyatakan keunikan politik negara Malaysia yang terbentuk daripada kerjasama dan gabungan pelbagai kaum dan agama menjadikan negara ini sebagai salah satu negara Muslim di Asia Tenggara yang banyak mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Gabungan antara Islam dan identiti Melayu membentuk ikatan politik dan ideologi yang sangat rapat dan sukar untuk dipisahkan. Keadaan ini menunjukkan nilai-nilai Islam telah disesuaikan dalam aspek ritual, sosial, politik dan budaya masyarakat Melayu-Muslim di samping mengekalkan sikap toleransi terhadap komuniti Cina dan India. Walaupun begitu, dari sudut pelaksanaan hukum Islam di Malaysia masih menghadapi cabaran untuk dipraktikkan secara keseluruhan kerana terkesan dengan tinggalan penjajah yang mengetepikan hukum Islam daripada sistem perundangan negara. Cabaran ini ditangani oleh parti politik berteraskan Melayu-Islam iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dengan berusaha melaksanakan dan memperkasakan hukum Islam dalam undang-undang negeri yang ditadbir.

Usaha memperkasakan nilai-nilai Islam di Malaysia juga berlaku rentetan gelombang kebangkitan Islam di seluruh dunia. Menurut Mujahidul (2022), gelombang ini menjadi faktor utama kepada pelaksanaan islamisasi menerusi Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia pada tahun 1984. Dasar ini merupakan usaha kerajaan Malaysia untuk mentransformasikan budaya kerja dan cara fikir anggota penjawat awam agar selari dengan nilai-nilai Islam. Bahkan, sebaik sahaja Mahathir Mohamad dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-4 pada 1 Julai 1981, beliau meletakkan Islam sebagai dasar utama dalam pentadbirannya justeru menandakan era permulaan Malaysia dikenali dunia sebagai negara yang lebih Islamik khususnya dalam aspek pentadbiran negara. Lebih awal daripada pembentukan dasar itu, Mohammad Hasan (2024) menjelaskan, usaha memperkasakan nilai-nilai Islam telah digerakkan oleh kerajaan seawal pentadbiran Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri pertama Malaysia. Tuntutan daripada parti pembangkang iaitu PAS dan badan bukan kerajaan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) terhadap pemerkasaan nilai-nilai Islam turut memainkan peranan dalam proses Islamisasi.

Mohammad Hasan (2024) turut menjelaskan bahawa pentadbiran kerajaan Malaysia adalah selaras dengan konsep Negara Islam. Menurutnya, pentadbiran perundangan Malaysia diwakili oleh Parlimen yang mempunyai Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang memainkan peranan sebagai Majlis Syura dan badan penasihat kerajaan berkenaan mana-mana akta, undang-undang dan perlembagaan sebagaimana diterapkan dalam sesebuah Negara Islam. Dari sudut perundangan, walaupun tidak sempurna, badan kehakiman di Malaysia tetap mengambil prinsip Islam di dalam menjalankan penghakiman dengan mewujudkan Jabatan Kehakiman Syariah yang mempunyai kuasa melakukan penyeliaan dan usaha meningkatkan keseragaman undang-undang Islam di seluruh negara.

c. Majoriti penduduk beragama Islam

Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2024) menjelaskan penduduk Malaysia terdiri daripada pelbagai agama dengan komposisi Muslim (63.5%), Buddha (18.7%), Kristian (9.1%), Hindu (6.1%), tiada agama (1.8%) dan lain-lain (0.9%). Menurut Ahmad Fathoni (2015) dan Muhammad Zuhaili (2023), kemajmukan masyarakat di negara ini bertitik tolak daripada kedatangan pedagang yang berasal dari India, Cina, Arab, Pakistan, Parsi, Indonesia dan Turki. Kedatangan mereka turut membawa agama dan kepercayaan masing-masing. Kemajmukan ini tetap diraikan dengan memberikan perlindungan dan kebebasan beragama kepada bukan Islam walaupun agama Islam sebagai agama rasmi negara. Seterusnya, Mohammad Hasan (2024) menjelaskan bahawa dominasi penduduk beragama Islam di negara ini mewajarkan identiti negara Malaysia dikenali sebagai sebuah Negara Islam.



Rajah 1 Justifikasi Malaysia sebagai Negara Islam

Malaysia bukan Negara Islam

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan sebahagian sarjana menolak atau mengemukakan pandangan-pandangan yang menolak identiti Malaysia sebagai sebuah Negara Islam sebagaimana justifikasi berikut:

a. Malaysia negara multi-etnik

Agama Islam merupakan agama bagi Persekutuan namun penganut agama lain diberi kebebasan mengamalkan kepercayaan mereka. Menurut Lee Ban Chen dalam Abdul Rahman et. al. (2009), 40 peratus rakyat Malaysia terdiri daripada orang bukan Islam justeru untuk menubuhkan Negara Islam di Malaysia adalah satu langkah yang tidak praktikal kerana bercanggah atau sukar dikompromikan dengan nilai-nilai sejagat, umpamanya kesetaraan kedudukan jantina, agama dan bangsa, hak-hak asasi manusia dan prinsip kebebasan dan demokrasi. Begitu juga penegasan oleh Lim Kit Siang dalam Abdul Rahman et al. (2009)

bahawa Malaysia tidak boleh dijadikan Negara Islam walaupun majoriti rakyatnya beragama Islam. Menurut Nur Nadia (2020), kemajmukan warganegara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama menyebabkan sukar untuk menetapkan identiti khusus bagi negara ini.

b. Undang-undang Islam sukar dilaksanakan

Izhar dan Alias (2010) menjelaskan pertembungan berasaskan etnik dan agama di Malaysia menyebabkan negara ini masih tidak mampu melaksanakan undang-undang Islam secara keseluruhan. Muhammad Faiz, Hamzah Omar, Mohd Hasbie (2020) menyatakan penamaan Malaysia sebagai Negara Islam atau Negara Kafir memberi kesan negatif yang sangat besar memandangkan negara Malaysia mempunyai kelompok masyarakat yang pelbagai kaum dan budaya adat resam yang berbeza. Kepelbagaian ini menjadi faktor yang membataskan pelaksanaan undang-undang Islam kerana pelaksanaan sesuatu undang-undang perlu dijalankan secara berhemah bertujuan untuk memelihara keseimbangan kaum bagi mengelakkan berlakunya kekacauan seperti krisis antara agama. Pelaksanaan undang-undang Islam juga menimbulkan pelbagai persepsi dalam kalangan masyarakat bukan-Islam dan umat Islam itu sendiri. Menurut Zaini Nasohah, Zurul Iman dan Zuliza (2022), undang-undang syariah umpamanya seperti hukuman terhadap jenayah berjudi, minum arak, khalwat dan persetubuhan luar nikah dianggap oleh sesetengah pihak sebagai jenayah tanpa mangsa serta mencampuri hak dan peribadi seseorang.

c. Malaysia Negara Sekular

Abdul Rahman et. al (2009) menjelaskan pendirian beberapa tokoh masyarakat Cina yang menganggap Malaysia adalah Negara Sekular dengan Islam sebagai agama rasmi. Mereka berpandangan, penubuhan Negara Islam di Malaysia tidak praktikal mengambil kira jaminan Perlembagaan Persekutuan bahawa negara ini merupakan 'negara sekular' daripada awal penubuhannya. Mujahidul (2022) mendapati wujud pandangan Malaysia sebagai sebuah Negara Sekular berasaskan kenyataan oleh Perdana Menteri Malaysia pertama, Tengku Abdul Rahman Putra di dalam sidang Parlimen pada tahun 1958 yang secara jelas menyatakan kedudukan Islam hanyalah sebagai agama upacara (*ceremonial religion*) semata dan bukannya sebagai sebuah Negara Islam. Menurut Muhammad Faisal, Nur Syuhada & Zulkifli Aini (2020) dan Firzan Haniff & Danial Mohd Yusof (2024), Malaysia sebagai Negara Sekular turut diperjuangkan Democratic Action Party (DAP) menerusi konsep 'Malaysian Malaysia'. Parti ini merupakan sebuah parti yang dianggotai oleh majoriti masyarakat Cina


d. Malaysia sebagai sebuah Negara Hibrid

Johan (2010) mendapati satu istilah baharu sebagai identiti Malaysia iaitu Negara Hibrid, negara yang menghimpunkan dan mempunyai kedua-dua elemen dalam satu negara sebagai jalan tengah tanpa memihak kepada kumpulan pro Negara Islam atau Negara Sekular. Menurut Mohammad Hasan (2024), pandangan ini muncul disebabkan peruntukan perlembagaan Malaysia yang cenderung menjamin kebebasan sivil, tetapi pada masa yang sama perlembagaan

menyatakan Islam adalah agama persekutuan. Peruntukan akta yang saling bertentangan ini membenarkan pihak sekularis berhujah untuk melaksanakan hak-hak budaya minoriti sementara turut membenarkan umat Islam berhujah untuk sebuah negara yang patuh syariah. Oleh itu, pihak tersebut beranggapan Negara Hibrid adalah alternatif untuk identiti negara ini.

e. Tiada nas dan dalil berkaitan Negara Islam

Penubuhan sesebuah negara sebagai Negara Islam bukanlah satu seruan agama kerana tiada nas dan dalil daripada al-Quran dan hadis. Pandangan ini dikemukakan oleh Wan Ji (2018) ketika mengulas berkenaan model Negara Islam masa kini. Menurutnya, tidak ada ungkapan yang disebut sebagai negara Islam di dalam al-Quran dan hadis, malah era pemerintahan empat khalifah dan dinasti selepasnya tidak menggunakan istilah tersebut sebagai imej pemerintahan mereka. Konsep Negara Islam hanya muncul apabila wujud perbincangan berkenaan konsep Negara Bangsa apabila tertubuhnya Negara Komunis, Negara Kapitalis dan Negara Sosialis. Lebih awal daripada itu, menurut Mohd Asri (2011), istilah Negara Islam hanya muncul apabila berlakunya kebangkitan umat Islam menentang penjajah. Kitab-kitab fekah Islam sebelum daripada itu pula hanya menyebut Darul Islam atau wilayah Islam bagi merujuk kepada wilayah-wilayah yang dikuasai oleh umat Islam ketika itu. Justeru, jenama seperti Negara Islam tidak penting, apa yang penting adalah pada pelaksanaannya seperti menerapkan nilai-nilai murni agama dalam pemerintahan.



Rajah 2 Justifikasi Malaysia bukan Negara Islam

Perbincangan

Perdebatan mengenai identiti Negara Islam di Malaysia memperlihatkan persilangan yang kompleks antara aspek seperti sejarah, perundangan dan majoriti demografi. Dapatan kajian

terdahulu boleh dikelompokkan kepada dua perbincangan iaitu: pertama, aliran mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam; kedua, aliran yang menolak Malaysia sebagai Negara Islam. Hal ini dapat dilihat menerusi rajah 1 dan 2 sebagaimana disediakan yang memperlihatkan kepelbagaian hujah bagi kedua pembahagian. Terdapat beberapa artikel yang hanya membahaskan satu aliran dan ada juga yang membahaskan kedua-dua aliran pada masa yang sama.

Dari sudut perlembagaan, golongan yang menolak Malaysia sebagai sebuah Negara Islam berpendapat Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara sebagai bukti negara ini merupakan negara sekular, sekalipun mengiktiraf peranan agama. Menurut Hamid & Ibrahim (2017) dalam Mohammad Hasan (2024), Malaysia sebuah Negara Sekular kerana pengasingan antara agama dan politik telah bermula sebelum kemerdekaan. Sejarah menyaksikan Tanah Melayu yang ditadbir oleh penjajah telah menjalankan proses sekularisasi dengan memisahkan urusan agama daripada pentadbiran. Bahkan Perjanjian Anglo-Perak di Pangkor pada tahun 1874 juga menetapkan Sultan Melayu perlu mendengar dan bertindak dengan nasihat seorang residen Inggeris mengenai semua perkara kecuali agama dan adat Melayu. Pada masa yang sama, Thock Ker Pong dalam Abdul Rahman et al. (2009) menjelaskan usaha menubuhkan Negara Islam di negara ini dianggap usaha mengukuhkan kuasa orang Melayu dan menyisihkan golongan bukan Islam.

Hujah Malaysia sebagai negara sekular dari sudut perlembagaan disangkal oleh Wan Ahmad Fauzi, Anisah & Mohamed Anwar (2017). Mereka menjelaskan tanggapan tersebut disebabkan sejarah penggubalan perlembagaan yang tidak memasukkan Islam sebagai agama persekutuan pada awalnya, walaupun tindakan tersebut bukanlah hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Sekular. Frasa "*shall not imply that the State is not a secular State*" dalam Laporan Suruhanjaya Reid pada tahun 1957 juga dijadikan hujah oleh pihak tertentu untuk mentafsirkan Malaysia sebagai Negara Sekular. Hakikatnya, frasa tersebut hanya dimasukkan pada peringkat awal draf Perlembagaan Persekutuan untuk menjelaskan semua rakyat berbilang agama selain Islam bebas mengamalkan ajaran agama mereka secara aman dan menjamin kedudukan asal raja-raja Melayu sebagai ketua agama. Setelah raja-raja Melayu memperkenalkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan diwujudkan perkara 11 dan 12 dalam draf Perlembagaan Persekutuan, frasa tersebut tidak lagi disertakan dalam draf Perlembagaan. Ini menunjukkan frasa tersebut tidak wajar dijadikan asas bagi menyatakan Malaysia sebagai sebuah Negara Sekular. Istilah sekular berdasarkan sejarah perundangan Malaysia sepatutnya difahami sebagai memberi dua maksud. Pertama, semua rakyat berbilang keturunan dan agama selain Islam, bebas mengamalkan ajaran agama mereka secara aman di dalam Persekutuan. Kedua, ia bertujuan untuk menegaskan bahawa kedudukan asal Raja-raja Melayu sebagai ketua agama di dalam negeri masing-masing adalah kekal.

Wacana ini turut dipengaruhi oleh sejarah pelaksanaan undang-undang Islam seperti yang tercatat dalam Hukum Kanun Melaka. Warisan ini dijadikan hujah bahawa struktur kenegaraan Melayu-Islam telah lama wujud sebelum penjajahan. Walau bagaimanapun, sistem ini mengalami modifikasi besar selepas kemerdekaan, apabila pengaruh undang-undang British membentuk asas sistem perundangan moden yang diamalkan di negara ini. Peralihan ini mewujudkan dualisme undang-undang melibatkan undang-undang sivil dan undang-undang Islam yang menjadi sumber ketegangan antara aspirasi Islamisasi dan kehendak mengekalkan prinsip sekularisme.

Faktor sosio-demografi juga tidak dapat dipisahkan daripada perbahasan ini. Komposisi penduduk Malaysia dengan majoriti Muslim berbangsa Melayu, memberikan kekuatan kepada pihak yang memperjuangkan agenda Malaysia sebagai sebuah Negara Islam. Namun, sensitiviti hubungan etnik dalam masyarakat majmuk menuntut pendekatan yang lebih pragmatik. Golongan bukan Muslim sering kali menzahirkan kebimbangan terhadap potensi pengurangan hak asasi mereka dan kebebasan beragama jika syariah dijadikan undang-undang tertinggi negara.

Salah satu cabaran intelektual terbesar dalam wacana ini adalah ketiadaan definisi tunggal bagi konsep “Negara Islam” dalam konteks Malaysia. Bagi sesetengah pihak, Negara Islam dalam konteks Malaysia bererti mengiktiraf agama Islam pada kedudukan tinggi kerana agama ini merupakan agama yang telah lama bertapak sejak sebelum penjajahan lagi. Bagi pihak lain, ia mencukupi dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam dasar dan pentadbiran negara tanpa merombak struktur sedia ada. Kekaburan definisi ini membuka ruang kepada pelbagai tafsiran yang kemudiannya mencetuskan perdebatan yang tidak kesudahan.

Pada masa yang sama, wujud perbahasan tentang keperluan untuk menubuhkan sebuah Negara Islam kerana istilah tersebut tidak dinyatakan oleh al-Quran dan hadis serta kitab-kitab ulama terdahulu. Dakwaan ini telah disangkal oleh beberapa sarjana. Muhammad Alihanafiah, Mustafa Abddullah & Selamat Amir (2022) umpamanya menjelaskan istilah “Negara Islam” tidak wujud secara spesifik dalam al-Quran namun kitab ini telah membicarakan hal-hal berkaitan kenegaraan dengan menampilkan dasar-dasar politik Islam dan negara seperti amalan syura, kewibawaan pemimpin, keamanan dan keselamatan sesebuah wilayah. Ahmad Sanusi (2018) pula menjelaskan bahawa negara Islam sudah ada pada zaman Nabi Muhammad SAW. Buktinya penubuhan Negara Madinah yang menjadi model Negara Islam. Tokoh-tokoh Islam kontemporari seperti al-Qardawi, al-Ghazali, al-Buti dan Said Hawwa turut menilai Madinah sebagai sebuah Negara Islam, atau paling tidak ia adalah sebuah kerangka asas dan konsep bagi pembentukan sebuah Negara Islam. Manakala menurut Wan Fariza & Zulazmi Yaakob (2023), Negara Islam pada masa kini boleh dinilai dari beberapa sudut, iaitu asas kenegaraan seperti perlembagaan ataupun perundangannya sama ada berpegang dengan wahyu Tuhan atau tidak, dan pemeliharaan serta jaminan kedudukan syariah di negara tersebut. Ciri-ciri ini wujud dalam pengalaman di Malaysia justeru melayakkannya dikenali sebagai Negara Islam.

Jurang penyelidikan turut ketara dalam kajian-kajian lepas. Pertama, kajian bersifat empirik tentang tahap kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap konsep Negara Islam masih terhad, terutamanya dalam kalangan golongan profesional dan masyarakat bukan Islam. Kajian sebegini diperlukan bagi mendapatkan respons daripada masyarakat terhadap konsep Negara Islam. Kedua, tidak wujud kajian perbandingan misalnya membandingkan model negara Malaysia yang berbilang kaum dengan negara-negara yang mempunyai komposisi rakyat beragama Islam lebih ramai bagi mendapatkan gambaran model negara yang lebih sesuai dicontohi.

Kesimpulan

Perbahasan mengenai identiti Malaysia sebagai sebuah Negara Islam menunjukkan bahawa isu ini tidak dapat dinilai dari satu sudut pandang, sebaliknya memerlukan pertimbangan yang seimbang antara faktor sejarah, perlembagaan, politik, sosiologi dan demografi. Dapatan kajian

terdahulu memperlihatkan wujudnya dua arus utama wacana. Pertama, pandangan yang mengiktiraf Malaysia sebagai Negara Islam berdasarkan asas sejarah, peruntukan perlembagaan dan demografi. Kedua, pandangan yang menolak Malaysia sebagai Negara Islam berasaskan realiti masyarakat majmuk dan tafsiran sekular terhadap perlembagaan.

Realiti kenegaraan Malaysia yang berbilang kaum dan agama menjadikan isu ini sarat dengan cabaran epistemologi dan praktikal. Kekaburan definisi “Negara Islam” dalam konteks Malaysia, pertembungan tafsiran terhadap Perlembagaan serta sensitiviti hubungan etnik membuktikan bahawa identiti kenegaraan masih bersifat dinamik dan terbuka kepada interpretasi. Jurang penyelidikan yang wujud terutamanya dari aspek kajian empirik, perbandingan antarabangsa dan kerangka teori memberikan ruang yang luas untuk penyelidikan lanjut yang lebih menyeluruh.

Sehubungan itu, penetapan identiti Malaysia sebagai sebuah Negara Islam memerlukan pendekatan inklusif yang bukan sahaja berlandaskan sejarah dan undang-undang, tetapi juga mengambil kira keperluan masyarakat majmuk, prinsip keadilan, dan nilai-nilai sejagat yang selaras dengan maqasid syariah. Pendekatan sebegini mampu membina naratif kenegaraan yang kukuh, progresif dan diterima oleh semua lapisan masyarakat Malaysia yang pelbagai. Seterusnya, memastikan keterjaminan kestabilan politik dan kelangsungan perpaduan negara pada masa hadapan.

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah geran UKM PP-2024-013 “Menangani Salah Faham Golongan Islam Liberal Terhadap Islam di Malaysia” yang oleh dibiayai Future Research Sdn. Bhd.

Rujukan

- Abdul Rahman et al (LENGKAPKAN). 2009. Penerimaan Bukan Islam terhadap proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 2: 33-51
- Ahmad Fathoni. 2014. Sejarah sosial hukum Islam di Asia Tenggara; Studi pemberlakuan dan pengkodifikasian hukum Islam di Malaysia. *Asy-Syari'ah* 16(3): 188-193.
- Ahmad Sanusi. 2018. Kekeliruan Konsep Negara Islam Wanji. <https://www.facebook.com/DrAhmadSanusi/posts/kekeliruan-konsep-negara-islam-wanji1-dalam-artikel-yang-diterbitkan-oleh-malays/780380905632371/> akses pada 16 Ogos 2025.
- Abu Bakarr Bah & Nikolas Emmanuel. 2024. *International Statebuiding in West Africa: Civil War and New Humanitarianism in Sierra Leone, Liberia, and Cote d'Ivoire*. Indiana University Press.
- Ayu Nor Azilah, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin. Kepedulian para pelajar IPTA dan IPTS di Semenanjung Malaysia terhadap lambang-lambang kenegaraan sebagai identiti Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 7(1): 45-69.
- Gang He. 2022. Historical narrative and the construction of identity in international Relations Studies. *The Frontiers of Society, Science and Technology* 4 (4): 1-5.

- Izhar Arif & Alias Azhar. 2010. Prinsip dan Model Negara Islam: Definisi dan Aplikasinya di Malaysia. *Journal of Governance and Development*, 6: 53-68.
- Jaan Islam. 2025. Divergent Statecrafts: Between Islamic Governance and Modern State Power. Ummatics <https://ummatcs.org/divergent-statecrafts/> akses pada 30 Julai 2025.
- Johan, S. 2010. Malaysia: multicultural society, islamic state, or what? Dlm Michael, S.H.H. & Chin, L.T. *State and Secularism*. Hlm, 279-300. Singapore: World Scientific Publishing Co Pte Ltd.
- John M. Owen. 2023. Why Great Powers Compete to Control Internasional Institutions. *International Security*, 49(3): 84-121.
- Kholis Bidayati et al. 2021. Dinamika pembaharuan hukum keluarga Islam di negara Muslim (Studi atas negara Malaysia dan Brunei Darussalam). *ADHKI: Journal of Islamic Family Law*, 3(1): 51-68.
- Muhammad Faisal Ashaari, Nor Syuhada Roslan & Zulkefli Aini. 2020. Hubungan PAS dengan Non-Muslim dalam persaingan politik Islam di Malaysia 1951-2020,” *Al-Hikmah*, 12(92): 93-114.
- Faiz Mukmin, Hamzah Omar & Mohd Hasbie. 2020. Pemikiran radikal politik kepartian Melayu Islam Malaysia: Analisa peristiwa Takfir. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1): 78-85.
- Mohd Asri. 2011. Negara Islam cuma utopia di minda. <https://www.malaysiakini.com/news/166003> akses pada 17 Ogos 2025.
- Mujahidul Amin. 2022. Negara Islam gagasan PAS berdasarkan Dokumen Negara Islam 2003: Satu penelitian. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Pahang.
- Muhammad Alihanafiah, Mustafa Abdullah & Selamat Amir. 2023. Pemikiran wasatiyyah Abdul Hadi Awang mengenai wacana kenegaraan menerusi pentafsiran Al-Quran. *Al-Bayan – Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 20: 267–290.
- Muhammad Zuhaili. 2023. Perpaduan Nasional Berteraskan Melayu-Islam di Negara Malaysia: Sorotan Kajian. *Journal of Revealed Knowledge*, 4(2): 201-216.
- Mohammad Hasan. 2024. Konsep Negara Islam di Malaysia dan Kelantan dalam kalangan guru Maahad Kawalan Yayasan Islam Kelantan. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Nadia. 2020. Kaedah Pembentukan Identiti Nasional dalam Universiti Awam di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15:1-9.
- Wan Ji Wan Hussin. 2018. Wujudkah Konsep Negara Islam? (Bhg I). https://www.malaysiakini.com/news/456944?utm_source=chatgpt.com (akses pada 16 Ogos 2025).
- Wan Ahmad Fauzi, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar. 2017. Islam Agama bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundangan. *Akademika*, 87(3): 179-195.
- Walters, R. 2020. The Nation State, National Identity and Citizenship,” dalam National Identity and Social Cohesion in a Time of Geopolitical and Economic Tension: Australia-European Union-Slovenia. Springer.
- Wan Fariza Alyati & Zulazmi Yaakob. 2023. Geneologi Wacana Negara Islam dalam Perspektif Pemikiran Islam Kontemporari. *Bitara - International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 8(3): 195-209.
- Zaini Nasohah, Zurul Iman dan Zuliza. 2022. Cabaran Penyeragaman Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia. *International Jurnal of Islamic Thought*, 22: 146-159.